

12/09/1999

Parti pembangkang tidak sekuat mana

Minarni Mat Saad

KEDATANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Selangor yang dijadualkan pada 13 dan 14 September ini boleh diandaikan sebagai penutup lawatan kerja beliau ke seluruh negara.

Selangor adalah negeri terakhir kunjungan Presiden Umno itu untuk bertemu pemimpin pada peringkat negeri dan rakyat sebelum menjelang pilihan raya.

Dr Mahathir dijadualkan tiba pada jam 9.30 malam untuk merasmikan Kompleks Sukan Kuala Selangor dan menghadiri perhimpunan rakyat di Kilometer 2, Bandar Baru, Kuala Selangor pada 13 September.

Pada keesokan harinya beliau akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Selangor di Bangunan Umno Selangor, Shah Alam, bertemu pemimpin Barisan Nasional (BN) di Hotel Radisson Shah Alam seterusnya menghadiri majlis Pemimpin bersama Rakyat di Padang AU 2, Taman Keramat, Gombak.

Berakhirnya lawatan kerja Dr Mahathir di Selangor seakan menandakan pilihan raya akan menjelma tidak lama lagi. Rakyat seluruh negara semakin berdebar dan tidak sabar menunggu pengumumannya apatah lagi ramai yang meramalkan ia diadakan pada bulan ini.

Sebelum ini ramai beranggapan ia akan diadakan pada musim cuti sekolah bulan September dan kini cuti sekolah sudah berlalu namun pilihan raya yang dinantikan masih samar.

Bila pilihan raya akan diadakan tidak menjadi persoalan kepada rakyat kerana mereka hanya perlu menghadirkan diri pada tarikh itu dan membuang undi dengan memilih calon pilihan masing-masing.

Apa yang penting ialah persiapan rapi yang perlu dilakukan oleh jentera pilihan raya pada peringkat negeri bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar dan dalam masa sama parti pemerintah, iaitu BN, mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi DUN.

Pengaruh parti pembangkang di Selangor mungkin boleh dikatakan tidak sekuat mana, malah sejak dua penggal pilihan raya lalu calon Pas tidak pernah berjaya memenangi sebarang kerusi manakala DAP menguasai hanya tiga kerusi, iaitu Bandar Klang, Damansara Utama dan Bukit Gasing.

Bagaimanapun, BN tidak boleh memandang enteng kerana setiap parti pembangkang mempunyai strategi masing-masing dan kumpulan sasaran pengundi.

DAP difahamkan sedang mengatur strategi untuk merampas 10 kerusi DUN yang dikira sudah cukup banyak untuk menggugat kedudukan BN manakala Pas pula menumpukan perhatian kepada lima atau enam kawasan di Selangor, terutama yang majoriti pengundinya Melayu.

Kawasan yang menjadi sasaran DAP adalah di kawasan bandar yang sudah pesat membangun dan majoriti pengundinya adalah kaum Cina. Antaranya ialah PJ Utara, PJ Selatan, Serdang, Bandar Klang, Sekinchan, Damansara Utama, Bukit Gasing, Kampung Tunku, Subang Jaya, Balakong dan Pelabuhan Klang.

Ahli DUN Bukit Gasing, Teng Chang Khim yang juga Ketua Pemuda DAP, berkata tumpuan utama DAP adalah di kawasan bandar kerana penduduk di situ tidak mengira apa bangsa sekalipun sudah selesai menikmati pembangunan yang disediakan malah kedudukan ekonomi mereka juga lebih baik berbanding penduduk yang tinggal di luar bandar.

"Masyarakat di bandar biasanya tidak kisah sangat siapa wakil rakyat atau parti yang menduduki kerusi DUN mereka kerana mereka sudah ada semuanya dari segi kemudahan asas serta perkhidmatan lain yang diperlukan.

"Jadi DAP hanya perlu mengatur strategi untuk memenangi hati rakyat dan seboleh-bolehnya menyelesaikan masalah mereka yang gagal ditangani wakil rakyat BN," katanya.

Beliau berkata, bagi mendapatkan perhatian pengundi DAP memberi tumpuan untuk membantu mereka menyelesaikan isu semasa seperti masalah setinggan dan peniaga yang sukar mendapat lesen berniaga.

Mengenai tindakan ahli DAP yang keluar parti serta menubuhkan parti baru, Teng berkata, ia tidak sedikitpun menjejaskan kekuatan DAP di Selangor kerana perkara seperti itu sudah menjadi masalah kepada DAP sejak sekian lama.

Menurutnya, memang wajar bekas ahli DAP itu keluar parti kerana dasar perjuangan mereka sudah tidak seiring dengan parti itu.

Bagaimanapun, tindakan wakil rakyat Bandar Klang, Chua Kow Eng keluar dari DAP adalah satu tamparan kepada parti itu kerana beliau adalah pilihan penduduk di bandar Klang dan sentiasa meraih undi yang tinggi sejak dua penggal bertanding dalam pilihan raya umum lalu.

Chua memberitahu, beliau keluar dari DAP kerana beberapa tindakan pemimpin parti itu sudah tidak mengikut arus perdana DAP termasuk pakatan dengan Pas.

Beliau kemudiannya menghadiri sidang DUN Selangor pada Ogos lalu sebagai wakil Bebas dan kemudiannya mengistiharkan dirinya sebagai ahli Malaysian Demokratik Parti yang baru ditubuhkan tahun ini.

Pengunduran Chua dari DAP mungkin memberi sinar kepada BN untuk merampas Bandar Klang yang selama ini menjadi kubu kuat DAP. Berikutan itu, usaha yang lebih serius perlu diambil oleh BN untuk meninjau apakah strategi yang perlu dijalankan untuk memenangi hati kira-kira 40,000 pengundi berbilang kaum di Bandar Klang.

Dalam usaha memenangi hati rakyat, BN bukan saja perlu mengambil berat masalah yang besar dan ketara sebaliknya isu yang dianggap ringan dan remeh juga perlu diberi perhatian kerana ia boleh memberi bonus kepada BN untuk meraih sokongan.

Kehadiran parti baru, Keadilan yang diterajui isteri bekas Timbalan Presiden Umno, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail juga diramalkan memberi saingan kepada BN sementelah ia dikatakan mendapat sambutan di kalangan ahli akademik, golongan profesional dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Ketika pelancaran parti itu di Selangor baru-baru ini, Keadilan dilaporkan berjaya membuka 25 cawangan di Shah Alam saja malah beberapa pemimpin muda Umno yang berpihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menarik diri untuk menyertai Keadilan.

Ahli Jawatankuasa (Penaja) Keadilan Kapar yang juga Exco Pemuda Pusat parti itu, Hamidzun Khairuddin, berkata penubuhan Keadilan memberi alternatif kepada rakyat untuk membuat pilihan.

Menurutnya, Umno dilahirkan oleh Kumpulan NGO Melayu dan Keadilan juga dilahirkan oleh NGO daripada rasa desakan rakyat.

Kemampuan Pas untuk mendapatkan sokongan rakyat, khususnya kaum Melayu tidak boleh diambil mudah kerana walaupun pengaruhnya tidak sebaik Umno, Selangor adalah tempat kedua negeri paling ramai ahli Pas.

Walaupun dalam pilihan raya 1995, tiada calon Pas yang berjaya memenangi kerusi, kali ini parti itu cuba memberi saingan hebat dengan mengetengahkan beberapa tokoh akademik dan agama.

Beberapa nama besar disebut akan bertanding menentang calon BN dan tokoh yang sudah mencipta nama seperti pendakwah Ismail Kamus dan pakar motivasi Datuk Dr Hassan Ali sekiranya benar diletakkan sebagai calon Pas mampu menggugat kedudukan calon BN kerana mereka mempunyai pengaruh tersendiri di kalangan masyarakat Melayu.

Ismail disebut-sebut akan bertanding di Gombak manakala Dr Hassan

dikatakan bakal memberi cabaran sengit kepada Abu Hassan di Kuala Selangor. Pihak pembangkang mungkin bercita-cita untuk melihat Menteri Besar Selangor yang akan datang adalah Dr Hassan Ali atau Hassan Shukri yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor bukan Abu Hassan.

Keyakinan Pas untuk menawan beberapa kerusi di Selangor mungkin berdasarkan sambutan hangat yang diterima terhadap setiap ceramah anjurannya, terutama ceramah diadakan bersama Keadilan apabila ribuan orang menghadirinya.

Baik ceramah yang diadakan di bandar atau di kampung, ratusan kereta kelihatan berderet-deret menuju ke tempat ceramah dan mendapat sambutan hangat termasuk yang diadakan di Seksyen 4, Shah Alam bersebelahan Dataran Shah Alam, pada malam sama Abu Hassan melancarkan Tahun Melawat Selangor.

Antara isu yang sering ditimbulkan oleh Pas adalah isu nasional, iaitu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan kegawatan ekonomi selain projek mega yang dilaksanakan Kerajaan Pusat, termasuk kediaman rasmi Dr Mahathir.

Isu tempatan yang sering dikemukakan Pas adalah kediaman rasmi Menteri Besar Selangor bernilai RM5 juta dan kegawatan air yang teruk melanda Selangor tahun lalu sehingga menguji keupayaan Abu Hassan menanganinya.

Memang tidak dinafikan ceramah anjuran pembangkang dapat memikat orang ramai untuk berpusu-pusu menghadirinya tetapi dapatkah ia mempengaruhi mereka menurunkan tanda 'X' kepada calon pembangkang pada hari pilihan raya sebenar.

Seorang pesara, Mohamad Ismail Husin, 60, yang sering menghadiri ceramah anjuran parti pembangkang, berkata selepas beberapa kali mengikut ceramah Pas dan Keadilan beliau mendapati mereka hanya mengulang isu yang sama dan diubah suai mengikut isu setempat.

Menurutnya, selepas bekas Timbalan Perdana Menteri dipecat, isu yang dikemukakan oleh pembangkang cukup menarik tetapi beliau mula bosan apabila setiap kali ceramah hanya isu itu yang disampaikan.

Mengulas kedudukan BN di Selangor, Abu Hassan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, berkata walau apapun usaha parti pembangkang untuk merobohkan kubu BN di Selangor, ia tidak akan menjadi kenyataan kerana seluruh jentera BN pada peringkat akar umbi sudah melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan BN tetap menjadi pilihan nombor satu rakyat.

Beliau berkata, jentera pilihan raya negeri bukan saja sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya malah berusaha gigih untuk memastikan semua kerusi yang dipertandingkan di Selangor menjadi milik BN.

Bagaimanapun, katanya, walaupun kedudukan BN di Selangor dianggap kukuh, Umno negeri tidak boleh memandang ringan dalam pilihan raya umum akan datang.

"Walaupun kita yakin BN boleh menang kita tidak boleh bersikap selesa sebaliknya perlu bekerja kuat untuk menjamin kemenangan besar bagi BN malah jika boleh merampas semua kerusi yang dipertandingkan," katanya.

Dalam Pilihan Raya Umum 1995, Pas meletakkan tiga calon untuk bertanding bagi merebut 17 kerusi Parlimen iaitu di Gombak, Serdang, Klang.

Bagi merebut 48 kerusi DUN pula, 16 calon diletakkan iaitu di Sungai Air Tawar, Sungai Besar, Hulu Bernam, Permatang, Selayang Baru, Sungai Tua, Gombak Setia, Lembah Jaya, Kajang, Puchong, Bukit Lanjan, Batu Tiga, Sementa, Pelabuhan Klang, Sijangkang dan Dengkil.

Sementara itu, DAP meletakkan dua calon bagi kerusi Parlimen iaitu di Serdang dan Klang manakala 12 calon untuk DUN di Sekinchan, Ijuk, Ampang, Damansara Utama, Kampung Tunku, Bukit Gasing, Puchong, Sri Kembangan, Bukit Lanjan, Sementa, Bandar Klang dan Sungai Pelek.

Lain-lain ialah 11 calon S46 dan dua Bebas bagi kerusi Parlimen manakala kerusi DUN seramai 14 calon S46 dan dua Bebas.

Setiap kali menjelang pilihan raya, ada calon yang dikekalkan dan ada yang digugurkan bagi memberi peluang kepada muka baru namun sebagai amalan lalu, mereka yang tidak dipilih atau digugurkan tetap memberi sokongan kepada calon yang bertanding demi perpaduan dan perjuangan parti.

Pemerhati politik meramalkan dalam Umno ada muka baru dan hampir separuh daripada Adun yang ada sekarang tidak akan dipilih dan kedudukan Abu Hassan sendiri menjadi teka teki yang menyelubungi sama ada beliau akan terus dipilih sebagai calon BN pada peringkat DUN atau bertanding pada peringkat Parlimen dan kembali ke Persekutuan.